

04/11/2000

Pandangan ikhlas seorang pemimpin

PERJUANGAN dan perebutan adalah dua perkara berbeza. Sambil perjuangan boleh dilakukan dalam pelbagai kapasiti, sama ada selaku pemimpin mahupun pengikut, perebutan pula lebih berkisar kepada jawatan dan kedudukan. Malangnya, dalam banyak keadaan, perjuangan sering dikaitkan dengan jawatan. Tanpa kedudukan dan dipandang tinggi di mata masyarakat, apa jua perjuangan akan sia-sia - begitulah tafsiran ramai dan kalangan pendukung Umno sendiri tidak terkecuali. Fenomena inilah yang dibimbangi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Seperti yang ditegaskan oleh Presiden Umno kelmarin, perjuangan bagi kepentingan rakyat dan mempertahankan kemerdekaan negara harus sentiasa menjadi keutamaan berbanding perebutan jawatan.

Selagi ada ahli parti yang berperasaan tamak untuk memegang jawatan dan bukanlah sangat kerana mereka boleh menyumbang sesuatu, maka perebutan akan berlaku. Mereka ini sebenarnya lebih mementingkan kemewahan, perebutan jawatan dan pangkat lebih daripada matlamat asal perjuangan. Apa yang dikhuatiri ialah kebanyakan daripada mereka kelak enggan menerima hakikat sekiranya dikalahkan. Maka, rasa tidak puas hati yang timbul, akan menyebabkan percakapan yang berpanjangan tanpa ada sesiapa, termasuk parti, yang akan mendapat manfaat. Sudah tentu jugalah, jika keretakan yang berlaku adalah besar, usaha mencantumkannya semula akan mengambil masa panjang dan sukar.

Banyak sejarah dan peristiwa sebenarnya yang boleh disorot sebagai pengajaran. Namun, dari sudut mana pun ia dilihat, Umno sebenarnya tidak mampu menghadapi pergolakan dan perpecahan seperti pada 1987 akibat terlalu ghairah dengan pemilihan kerana ia ketara sekali melemahkan parti. Kesilapan seperti itu, jika diulangi, hanya akan membawa kepada perpecahan. Pilihan raya umum lalu harus memberi ubat yang amat pahit untuk ditelan. Selain Kelantan kekal di bawah pemerintahan pembangkang manakala Terengganu turut bertukar kerajaan, sokongan orang Melayu terhadap Umno juga didapati merosot di kebanyakan kawasan. Mesejnya amat jelas bahawa ahli Umno tidak boleh terus leka dengan perebutan jawatan sehingga sampai ke tahap melemahkan parti bagi menghadapi cabaran lebih besar pada masa depan.

Nasihat Dr Mahathir kelmarin adalah pandangan ikhlas daripada seorang pemimpin berpengalaman yang sudah banyak menyaksikan pergolakan hingga menjejaskan usaha mengukuhkan parti. Malah, masalah sedemikian kerap mengganggu fokus dan keutamaan Umno ke arah terus memartabatkan bangsa Melayu. Ahli Umno sendiri boleh memilih untuk mengingkarinya tetapi mereka serta bangsa sendiri kelak yang akan menanggung kerugian.

(END)